




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 249 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 35,415 kes. Dua (2) kes kematian direkodkan iaitu masing-masing satu (1) kes di Daerah Semporna dan Sandakan. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 235 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 33,118 orang. Sejumlah 1,675 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 605 orang di hospital dan 1,070 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 63 orang dan 15 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kinabatangan dan Beaufort berubah dari zon kuning ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan
- 5 Daripada 249 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 149 kes (59.8%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 47 kes (18.9%), saringan kluster-kluster sedia ada 13 kes (5.2%), saringan kendiri 6 kes (2.4%) dan 34 kes (13.7%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 966 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,432 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,398 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 26.18%.
- 7 Terdapat empat (4) kes positif COVID-19 berjaya dikesan melalui saringan sebelum rentas negeri iaitu melibatkan dua (2) warganegara dan dua (2) bukan warganegara yang berhasrat berlepas ke Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**B. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TAMAN TELIPOK RIA TUARAN**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Telipok Ria, Tuaran bermula 27 November 2020 yang kemudiannya dilanjutkan lagi dan dijadualkan tamat pada hari ini, 24 Disember 2020.
- 2 Sehingga 22 Disember 2020, KKM telah melaksanakan sebanyak 9,065 ujian saringan dan sebanyak 806 kes kumulatif positif COVID telah direkodkan.
- 3 Walau bagaimanapun, sehingga kini KKM mengesahkan jumlah kes aktif di lokaliti ini menunjukkan *trend* penurunan dan terkawal.
- 4 Atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Taman Telipok Ria, Tuaran pada hari ini 24 Disember 2020 seperti yang dijadualkan. Namun demikian, lokaliti ini masih tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) seluruh Negeri Sabah yang sedang berkuat kuasa.

### **C. KELULUSAN KHAS BAGI PERGERAKAN KAPAL**

- 1 YAB Ketua Menteri Sabah telah bersetuju memberikan **KELULUSAN KHAS** bagi pergerakan kapal-kapal *Non-Convention Ships* (NCS) untuk aktiviti **TRANSHIPMENT** sahaja.
- 2 Aktiviti pergerakan kapal-kapal NCS **DIBENARKAN** mulai 21 Disember 2020 hingga 15 Januari 2021 bagi penghantaran lambakan baki stok barang sedia ada di gudang-gudang di pelabuhan Sandakan dan Tawau.

### **D. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **303,521** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

### **E. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 5 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 224 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

## F. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Belud	99%
4	Kota Kinabalu	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kunak	98.5%
8	Semporna	98%
9	Penampang	98%
10	Papar	98%
11	Kota Marudu	98%
12	Beluran	98%
13	Sandakan	98%
14	Lahad Datu	97%
15	Tuaran	97%
16	Keningau	97%
17	Tenom	97%
18	Tawau	97%
19	Ranau	96%

- 2 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan ketika mengunjungi tempat tumpuan awam seperti pasar raya dan pasar awam bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
- 3 Pihak PDRM juga akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa.

## **G. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)**

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 10 premis di tujuh (7) Daerah iaitu Kinabatangan, Semporna, Keningau, Lahad Datu, Beluran, Tawau dan Kota Kinabalu.
- 2 Hebahen umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 19 lokasi di dua (2) daerah. Hebahen dibuat dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Dusun.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantaian COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**  
24 Disember 2020